

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
11 Ogos 2026

SD Guthrie Catat Untung Bersih Melebihi RM1.5 bilion untuk Separuh Pertama Tahun 2026

- Untung bersih suku kedua tahun kewangan 2026 (Q2 FY2026) meningkat 95% dari tahun ke tahun kepada RM987 juta
- Segmen Pembangunan Perindustrian mencatat keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) sebanyak RM529 juta bagi Q2 FY2026

Petaling Jaya, 11 Ogos 2026 – SD Guthrie Berhad (Guthrie atau Kumpulan) mencatatkan keuntungan bersih melebihi RM1.5 bilion bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2026 (1H FY2026), yang merupakan peningkatan sebanyak 44% dari tahun ke tahun (YoY). Prestasi kukuh Kumpulan didorong keuntungan yang lebih tinggi daripada segmen Hiliran serta sumbangan pendapatan yang kukuh daripada segmen Pembangunan Perindustrian, sekaligus mencerminkan daya tahan model perniagaan Kumpulan tersebut yang pelbagai.

Bagi suku kedua tahun kewangan 2026 (2Q FY2026), keuntungan bersih Guthrie meningkat kepada RM987 juta, hampir dua kali ganda berbanding RM505 juta yang dicatat dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Prestasi kukuh ini disokong oleh sumbangan besar daripada segmen Pembangunan Perindustrian yang mencatatkan PBIT sebanyak RM529 juta, di samping prestasi yang lebih baik oleh SD Guthrie International (SDGI), segmen Hiliran Kumpulan, yang merekodkan peningkatan PBIT sebanyak 8% YoY kepada RM136 juta. Prestasi ini membantu mengimbangi penurunan YoY PBIT sebanyak 5% daripada segmen Hulu, bersama harga purata minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK) direalisasikan yang lebih tinggi pada RM4,283 dan RM3,436 bagi setiap tan metrik (MT).

Sorotan Utama

	2Q FY2026	2Q FY2025	YoY +/(–)	1H FY2026	1H FY2025	YoY +/(–)
Hasil (RM juta)	4,943	5,169	(4)%	9,633	9,986	(4)%
PBIT (RM juta)	1,313	804	63%	2,120	1,622	31%
Untung Bersih (RM juta)	987	505	95%	1,547	1,072	44%
Harga MSM Direalisasikan (RM/MT)	4,283	4,146	3%	4,209	4,339	(3)%
Harga PK Direalisasikan (RM/MT)	3,436	3,247	6%	3,273	3,292	(1)%
Pengeluaran FFB (juta MT)	2.29	2.29	0%	4.20	4.29	(2)%
Kadar Perahan Minyak (OER) (%)	21.18	21.19	(0.01)	21.27	21.18	0.09

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani berkata:

“Walaupun berdepan cabaran ekonomi dan ketidaktentuan geopolitik, pelaksanaan strategi yang berdisiplin oleh Guthrie sepanjang separuh pertama tahun ini telah membuahkan hasil yang memberangsangkan. Keupayaan barisan kepimpinan baharu mengekalkan momentum pertumbuhan yang telah dibina sejak awal tahun akan membolehkan Guthrie terus mencapai prestasi yang kukuh serta mencipta nilai yang mampan kepada para pemegang saham.”

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Mohd Haris Mohd Arshad berkata:

“Prestasi Guthrie yang memberangsangkan pada separuh pertama tahun ini dan sumbangan pendapatan kukuh yang berterusan mencerminkan kemajuan transformasi Guthrie untuk menjadi sebuah organisasi yang lebih pelbagai serta bersedia menghadapi masa depan yang tidak terbatas kepada sektor perladangan. Seiring dengan usaha memperluaskan perniagaan Pembangunan Perindustrian dan Tenaga Boleh Baharu menerusi pelbagai kerjasama strategik, kami akan terus memperkukuhkan daya tahan pendapatan Kumpulan ini, mewujudkan pemacu pertumbuhan baharu serta meletakkan Guthrie pada kedudukan yang lebih kukuh untuk mencipta nilai mampan bagi jangka masa panjang.”

PROSPEK FY2026

Dalam jangka masa terdekat hingga sederhana, bekalan global yang semakin menurun serta permintaan yang kekal kukuh dijangka akan terus menyokong dan meningkatkan harga MSM. Tekanan terhadap bekalan dijangka semakin meningkat berikutan kemunculan fenomena El Niño yang diramal berlaku menjelang akhir tahun, manakala permintaan pula akan terus disokong oleh pelaksanaan mandat biodiesel B50 di Indonesia serta harga minyak mentah yang kekal tinggi susulan ketegangan geopolitik yang kembali memuncak.

Dalam konteks ini, segmen Huluan Guthrie akan terus mengekalkan fokus terhadap kecemerlangan operasi dan pengurusan risiko iklim bagi mengurangkan impak daripada keadaan cuaca yang tidak menentu. Segmen Hiliran pula kekal memberi tumpuan kepada pembinaan portfolio yang seimbang melalui kepelbagaian pelanggan dan pasaran, sambil memanfaatkan skala operasi Kumpulan untuk mengoptimumkan kos, meningkatkan daya saing kos serta memperkukuh daya tahan dalam persekitaran operasi yang mencabar. Segmen Pembangunan Perindustrian dijangka terus mengukuhkan sumbangannya kepada pendapatan Kumpulan, sekaligus menyokong transformasi Guthrie melangkaui perniagaan perladangan melalui peningkatan daya tahan pendapatan dan kepelbagaian perniagaan. Sementara itu, segmen Tenaga Boleh Baharu akan terus membina asas yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan mampan Kumpulan untuk jangka masa panjang.

Secara keseluruhannya, Guthrie kekal optimis terhadap prospek tahun kewangan 2026, disokong oleh dinamik pasaran yang menggalakkan, daya tahan operasi serta momentum pelaksanaan yang kukuh dalam segmen Pembangunan Perindustrian. Pada masa yang sama, Guthrie akan terus mengurus dan menyesuaikan diri dengan ketidaktentuan pasaran serta risiko berkaitan cuaca, sambil mengekalkan pelaksanaan yang berdisiplin merentasi semua segmen perniagaannya.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja hampir 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian “Beyond Zero”, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM47.23 billion (USD11.54 billion) setakat 10 Ogos 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Korporat**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Korporat**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com